

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 18 MAC 2016 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	KBD berjaya turunkan kes denggi 49 peratus	Utusan Malaysia
2.	Projek perintis hapus denggi berkesan	Berita Harian
3.	MOSTI bakal perluas Program Komuniti Bebas Denggi ke lima negeri	BERNAMA
4.	Home kits cut dengue cases by half	Malay Mail
5.	Public must act to fight dengue	The Sun
6.	Enam kawasan capai paras gelombang haba	Utusan Malaysia
7.	6 kawasan catat suhu tertinggi	Kosmo
8.	6 kawasan capai paras ambang gelombang haba	Sinar Harian
9.	Enam kawasan catat suhu tinggi 35 darjah Celcius	BERNAMA
10.	6 kawasan capai ambang gelombang haba	Berita Harian
11.	Action plan to be based haze strategy	New Straits Times
12.	Planting season delayed	The Star
13.	'No outdoor activities if weather too hot'	The Sun
14.	Trainee cop first heatstroke fatality	Malay Mail
15.	Ibu bapa dimaklum awal penutupan sekolah	Utusan Malaysia
16.	Trainee police constable dies of heatstroke	New Straits Times
17.	El Nino : Pembakaran terbuka di Perak terkawal	BERNAMA
18.	Gempa bumi lemah landa Ranau	BERNAMA

19.	Spare a thought for ozone layer	New Straits Times
20.	Komersialkan lima hasil R&D	Berita Harian
21.	Pull the plug on misleading ads	New Straits Times
22.	TPM akan peruntukan dana berjumlah RM10 juta untuk usahawan Bumiputera	BERNAMA
23.	Suami isteri dihadapkan ke mahkamah tuduhan edar 247 kg dadah	BERNAMA
24.	A night at the Planetarium	The Star



MADIUS TANGAU (tengah) bersama pelajar menunjukkan kit rumah perlindungan lengkap denggi di Perpustakaan Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

Kementerian rancang perluas ke lima negeri lagi

KBD berjaya turunkan kes denggi 49 peratus

Oleh SHEILA RANI
CHANDRASEKARAN

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 17 MAC

PROGRAM Komuniti Bebas Denggi (KBD) yang dilaksanakan di beberapa kawasan berisiko tinggi menunjukkan prestasi memberangsangkan apabila laporan pemantauannya merekodkan penurunan kes denggi sebanyak 49 peratus sepanjang tempoh Jun sehingga Disember tahun lalu.

Projek perintis di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dengan kerjasama EntoGenex Industries Sdn. Bhd. dan Inno Biologics Sdn. Bhd. dilancarkan pada Jun 2015 dan telah dilaksanakan di 30 komuniti iaitu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor dan Selangor yang mencatatkan kes denggi tinggi sejak tahun 2014.

Sehubungan itu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau berkata, pihaknya merancang meluaskan pelaksanaan fasa kedua program tersebut ke lima negeri lagi iaitu di Perak, Pahang, Melaka, Negeri Sembilan

dan Sabah dalam masa terdekat.

“Salah satu bidang inovasi yang difokuskan oleh kementerian ialah membangunkan teknologi untuk membantu mengawal wabak denggi. Lokasi-lokasi baharu di bawah fasa kedua program ini akan menyediakan data-data terkini dan penglibatan komuniti dalam mengguna pakai produk berinovasi untuk mengawal penularan wabak denggi.

“Malah, kami juga akan meningkatkan kerjasama dengan pihak berkepentingan terutamanya Kementerian Kesihatan, Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), agensi dan kementerian berkaitan bagi membolehkan semua yang terlibat bersama-sama melawan wabak denggi serta penyakit vektor lain seperti virus Zika secara berkesan,” katanya dalam sidang akhbar pada majlis Penyerahan Kit Rumah Program KBD, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha MOSTI, Prof. Madya Dr. Ramzah Dambul dan Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Datuk Che Gayah Ismail.

Mengulas lanjut, Madius berkata, fasa lanjutan itu amat pen-

ting berikutan akan menjadi asas penambahbaikan dari segi penyelidikan dan pengumpulan data.

Katanya, sepanjang tempoh program itu, sebanyak 100,000 kit rumah yang telah dikenal pasti iaitu di negeri Selangor, Kuala Lumpur, Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Putrajaya.

“Kit ini mengandungi MOUSTI-cide iaitu produk pencegah nyamuk pada peringkat larva nyamuk, Denguard iaitu krim penghalang nyamuk, perangkap ovi larva Aedes yang direka khas bagi membunuh sistem pembiakan aedes, cakera digital (CD) yang mengandungi aplikasi dan permainan serta bahan bacaan dalam bentuk buku dan risalah,” katanya.

Dalam pada itu, Madius turut berharap kit rumah itu dapat dijadikan contoh dalam usaha kementeriaannya untuk mempromosi kegiatan komersial industri bioteknologi yang berinovasi selaras dengan hasrat kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-10.

Katanya, kit rumah untuk jualan di pasaran boleh didapati pada pertengahan April ini.

